

**Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam  
Memahami Agama  
The Stand of Al-Salaf Al-Soleh Understandings  
In Understanding of The Religion**

***Corresponding author: Aminudin Bin Basir, Prof. Madya*** di  
Pusat Cita Universiti dan Felo Kanan Institut Islam Hadhari, UKM.  
Email: [manhaj@ukm.edu.my](mailto:manhaj@ukm.edu.my).

**Jamsari Alias**, Pensyarah Kanan di Pusat Citra Universiti dan Felo Bersekutu Institut Islam Hadhari, UKM.

**Azizi Umar**, Pensyarah Kanan di Pusat Citra Universiti, Felo Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.

**Abstrak**

Memahami al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber akidah dan syariah adalah satu kemestian ke atas setiap mukmin. Individu yang paling memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah adalah Baginda Rasulullah SAW. Dikuti oleh generasi para sahabat dan seterusnya para tabiin dan tabi' al-Tabiin. Generasi tersebut berada di dalam sebaik-baik kurun dari sudut suasana kefahaman dan penghayatan agama. Justeru, memahami agama sumber agama ini menurut kefahaman al-Salaf al-Soleh adalah satu tuntutan serta sebagai syarat bagi menjamin kefahaman yang benar. Persoalannya, sejauhmanakah anjuran al-Quran dan al-Sunnah untuk menurut jejak langkah al-Salaf bagi memahami sumber agama ini? bagaimanakah pula kedudukan institusi al-Salaf bagi memahami agama. Bagi menjawab persoalan-persoalan ini maka metode kajian kualitatif menerusi analisis dokumen dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perintah dari al-Quran agar menjadikan golongan al-Salaf sebagai rujukan utama bagi memahami sumber agama ini. Hasil kajian juga membuktikan bahawa golongan al-Salaf mempunyai kedudukan tersendiri yang unggul sebagai satu institusi dalam memahami agama.

**Kata Kunci:** Memahami, Sumber agama, al-Salaf al-Soleh

**Abstract**

Understanding al-Quran and al-Sunnah as the primer sources for syariah and character building is inevitable for each and every believer (mukmin). Undoubtedly the sole individual who understands well the contents of al-Quran dan al-Sunnah is none but our beloved Prophet Muhammad SAW., followed by his companions and the followers of the companions. This generation was at the best century in term of their understanding and affiliation towards religion (deen). Therefore, true understanding of the primary sources, according to the understandings of al-salaf al-soleh is a necessity and pre-requisites in ensuring us to enable to grasp the real understanding. The question is, to what extent does al-Quran and al-Sunnah requires us to follow the steps of al-salaf al-soleh in understanding the religion (deen) and how does it institute in our life? Thus, to answer all these questions, this qualitative analysis on documentation is adopted. The results of this research found out that, it is among the order in the al-Quran to make the generation of al-Salaf as the main source of our undestanding towards religion (deen). This research confirmed that the generation of al-Salaf has a special place as an institution in undestanding of the religion (deen).

**Key Words:** Understanding, sources of religion (deen), al-Salaf al-Soleh

**1. PENGENALAN**

Al-Quran dan al-Sunnah adalah wahyu dari Allah SWT yang menjadi sumber asas kepada ajaran agama. Manusia dikehendaki oleh Allah SWT memahami kedua sumber tersebut dengan benar dan tepat. Dengan demikian urusan agama yang mencakupi aspek akidah dan syariah difahami dan dihayati betepatan dengan kehendak Allah dan Rasul. Un-

tuk tujuan tersebut Allah SWT telah mengutus Rasulullah SAW dengan mewahyukan al-Quran kepada Baginda Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada umatnya. Ini bermakna Rasulullah SAW adalah individu yang paling memahami ajaran agama ini sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Baginda telah menyampaikan ajaran agama ini kepada generasi sahabat dengan lengkap dan sempurna serta jelas sebelum kewafatan Baginda Rasulullah SAW. Kefahaman dan penghayatan yang diperolehi oleh generasi sahabat disampaikan pula kepada generasi Tabiin dan seterusnya disampaikan pula oleh Tabiin kepada generasi Tabi' al-Tabiin. Tiga generasi berkenaan berada dalam kurun yang terbaik dari sudut kefahaman dan amalan agama sehinggakan kurun mereka diiktiraf oleh syara' sebagai sebaik-baik kurun. Justeru, bagi generasi kini, untuk memastikan mereka beroleh kefahaman dan amalan agama yang benar dan tepat dalam aspek akidah dan syariah, maka konsep kefahaman generasi al-Salaf ini sangat perlu diikuti dengan amanah. Maka memandangkan kepada kepentingan hal ini, artikel ini cuba mengkaji konsep kefahaman al-Salaf terhadap sumber agama.

## 2. KONSEP KEFAHAMAN AL-SALAF AL-SOLEH

Konsep ini bermaksud, *al-Qur'an* dan *al-Sunnat* yang merupakan sumber bagi ajaran *'aqidah* dan *syari'at* itu hendaklah difahami menurut kefahaman golongan *al-Salaf* yang terawal, iaitu mereka yang berada dalam lingkungan tiga kurun terawal yang penuh dengan keberkatan dan kelebihan. Jika disebut golongan al-Salaf al-Soleh maka ia merujuk kepada tiga kurun terawal dalam Islam iaitu kurun sahabat, tabiin dan tabi al-Tabiin yang disaksikan oleh Rasulullah SAW sebagai kurun yang terbaik secara mutlak (Al-Athariy: 2014). Al-Butiy pula menegaskan bahawa kurun mereka dikira sebagai kurun-kurun yang terbaik kerana kurun berkenaan adalah kurun yang paling hampir dengan rangkaian sumber-sumber kenabian (1990). Golongan *al-Salaf* ini adalah mereka yang terdiri dari para sahabat, *ṭabi'īn* dan *ṭabi' al-Ṭabi'īn*. Kenyataan ini

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

antara lain adalah berdasarkan sebuah *hadith* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy dengan sanadnya sehingga sampai kepada ‘Imrān Ibn Hu.sain RA, Rasulullah SAW bersabda:

[حَيْرُ أُمَّتِي قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ]

Bermaksud:” *Sebaik-baik umatku adalah yang berada pada kurunku kemudian kurun yang selepas mereka dan kemudian kurun yang selepas mereka*” (Sahih al-Bukhariy 1997 ,Kitab Fadail al-Sahabat: no. 3450).

Menurut Ibn .Hajar kurun yang pertama adalah merujuk kepada golongan sahabat, kemudian diikuti oleh kurun *ṭabi‘in* dan seterusnya disusuli pula oleh kurun *Ṭabi‘ al-Ṭabi‘in*. Menurut beliau lagi tiga kurun terawal itu diiktibarkan samaada dari awal kebangkitan baginda atau selepas kewafatan baginda dengan kiraan 100 tahun sehingga sampai sekitar tahun 220 Hijrah (Fath al-Bariy: 1986).

Menurut beliau juga, hadis ini menjelaskan berkenaan keadilan yang terdapat pada tiga golongan berkenaan,dimana setiap golongan tersebut mempunyai kelebihan yang berbeza yang dilihat secara umumnya. Dari sudut yang lain pula, walaupun dua kurun selepas sahabat itu terdapat perkara-perkara yang dicela berlaku namun kebaikan yang wujud pada masa tersebut adalah jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan suasana buruk yang lahir selepas dari kurun-kurun tersebut. Menurut Ibn .Hajar lagi bermula dari tahun 220 Hijrah telah mula tersebarnya perkara *bid‘at* yang berleluasa termasuklah pertapakkan golongan *al-Mu‘tazilat* , tersebarnya fahaman *al-Qur‘an* adalah makhluk, kemasukkan fahaman falsafah dan ia terus berkembang hingga ke hari ini (Fath al-Bariy 1986).

Al-Ma'mūn adalah antara khalīfat yang telah dipengaruhi oleh pendapat yang menyatakan *al-Qur'an* adalah makhluk, beliau telah menguji sikap dan pendirian para ulamak terhadap perkara tersebut. Pada zaman beliau juga ajaran falsafah Yunani berkembang dan dipelopori oleh *al-Mu'tazilat*, bahkan golongan *al-Mu'tazilat* telah mendapat tempat di istana sebagai penasihat (*Tazkirat al-Huffaz*: 1998; *Siyar 'Alam al-Nubala'* 1982; *Tarikh al-Khulafa'* 2013). Selain itu juga al-Ma'mūn adalah dianggap sebagai khalifah Islam yang berjaya dalam usaha mengislamisasikan ilmu yang banyak membawa kebaikan disamping keburukan yang tidak kurang parahnya.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa pada awal Islam, ajaran Islam itu adalah suci dan murni dari sudut ilmu dan amalan khususnya dalam tiga kurun terawal, dimana para ulamak yang terdiri dari kalangan ahli hadis memeliharanya dari dimasuki perkara-perkara *bid'at* dalam *'aqida* dan *syari'at*. Setelah itu keadaan mula berubah dari masa ke masa sehinggalah banyaknya tesebar perkara-perkara *bid'at* dari kalangan Golongan Yang Bertentangan.

Oleh yang demikian bagi memastikan kefahaman terhadap *al-Qur'an* dan *al-Sunnat* ini difahami dan dihayati dengan betul dan tepat samaada dalam aspek *'aqida* atau *syari'at* maka adalah penting menurut dan mengikut kefahaman dan amalan yang telah ditunjukkan oleh generasi awal Islam yang terbaik yang tidak akan muncul lagi. Mereka memelihara ajaran Islam yang diterima dari generasi ke generasi secara periwatan yang sempurna, ini bagi mengelakkan dari menerima ajaran golongan *bid'at*. Justeru itulah maka menurut al-Dhahab'iy tiga kurun terawal diiktibarkan sebagai kurun periwatan hadis (*Mizan al-'Itidal* 2009).

## **22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama**

Berkaitan dengan kelebihan yang terdapat pada tiga generasi ini dari segi ilmu dan amalan, Ibn Rajab al-Hanbal'iy antara lain pernah menjelaskan bahawa para sahabat yang dewasa seperti Ab'ū Bakr dan 'Umar , 'Al'iy dan selain mereka lebih mengetahui dari Ibn 'Abb'as walaupun periwayatan mereka begitu sedikit jika dibandingkan dengan Ibn 'Abb'as, demikian pula para *t'abi' 'in*, walaupun periwayatan mereka lebih banyak dari para sahabat namun para sahabat lebih mengetahui dari mereka. Begitu juga dengan *t'abi' al-T'abi' 'in*, walaupun periwayatan mereka lebih banyak dari *t'abi' 'in*, namun *t'abi' 'in* lebih mengetahui dari mereka.

Dalam hubungan ini jelas beliau, ilmu itu bukan dilihat dari sudut banyaknya riwayat dan tidak juga dilihat dari sudut banyaknya pendapat, tetapi ilmu itu sebenarnya adalah cahaya dalam hati yang diilhamkan dimana dengan demikian dapat dibezakan antara yang hak dengan yang batil dan ia diungkapkan dengan ringkas tetapi mencapai maksud yang dikehendaki (*Fa' dl al- 'Ilm al-Salaf 'Al' a al-Khalaf* 1986).

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis dokumen. Analisis bermula dengan memilih dokumen atau bahan bertulis yang sesuai dengan persoalan kajian yang ditimbul. Untuk tujuan tersebut analisis dokumen melibatkan ayat-ayat al-Quran yang terplilih, hadis-hadis dan juga athar. Fakta-fakta tersebut dianalisis dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir, syarah-syarah hadis dan juga penegasan sarjana muslim berkaitan konsep ini dalam kitab-kitab mereka. Untuk itu, setiap teks dibaca dan dianalisis bagi memahami makna yang terkandung di dalam teks berkenaan.

Justeru, persoalan kajian bagi analisis kandungan ini dijawab berasaskan rumusan dan kesimpulan yang diperhalusi dari teks-teks tersebut. Dalam kajian yang dijalankan ini terdapat dua persoalan utama yang ditimbulkan iaitu sejauhmanakan al-Quran dan al-Sunnah menganjurkan untuk mengikut jejak langkah al-Salaf dalam urusan agama dan bagaimanakah pula kedudukan institusi al-Salaf dalam memahami agama?

#### 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

##### ANJURAN MENGIKUT GOLONGAN AL-SALAF AL-SOLEH

Terdapat disana dalil-dalil yang jelas menunjukkan keperluan mengikut kefahaman al-Salaf al-Soleh di dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber agama. Berikut dijelaskan dalil-dalil berkaitan dengan anjuran tersebut. Firman Allah dalam surah *al-Taubat*, ayat 100:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ أُولَئِكَ الْمُقَدَّمُونَ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفَجَّرُونَ فِي جَنَّاتِ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا إِلَى مَجْزَلٍ يَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلُّهُمْ حَالِدِينَ فِيهَا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۝ ۱۰۰

Bermaksud: " *Orang-orang yang terdahulu dan yang awal dari kalangan Muhajirin dan Ansar dan para t-abi 'in yang mengikut mereka (para sahabat) dengan baik, Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sunagi, mereka kekal di dalamnya selamanya, dan yang demikian itu adalah kemenangan yang besar.* "

Berkaitan dengan ayat di atas, menurut penjelasan yang dikemukakan oleh al-Tabar-iy bahawa Allah SWT menjanjikan balasan syurga bagi golongan Muhajirin yang berhijrah ke Madi-

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

nah, begitu juga dengan golongan Ansar yang telah membantu Rasulullah SAW dan kaum muslimin semasa berhijrah, menurut beliau Allah juga menjanjikan syurga bagi para *ṭabi‘in* selaku pengikut yang baik kepada para sahabat, termasuklah juga mereka yang berhijrah dari negara *al-Harb* kepada negara Islam demi menuntut keredhaan Allah (*Jami‘ al-Bayān* 2000).

Ayat di atas jelas sekali menunjukkan kelebihan yang terdapat pada generasi awal Islam yang terdiri dari para sahabat serta orang-orang yang menurut jejak langkah mereka dengan baik iaitu para *ṭabi‘in* sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Abi Hatim menurut pentafsiran Qat‘adat (*Kitab al-Jarh Wa al-Ta‘dil* 1952). Sehingga mereka dijanjikan oleh Allah dengan balasan syurga, begitu juga bagi sesiapa yang menurut jejak langkah mereka dalam penghayatan terhadap agama. Oleh yang demikian bagi sesiapa yang ingin mendapatkan keredhaan Allah serta mendapat balasan syurga maka mereka perlu menurut jejak langkah golongan generasi awal Islam.

Ayat di atas juga menunjukkan bahawa sesiapa sahaja dari kalangan orang-orang yang beriman disepanjang zaman juga berhak untuk mendapat keredhaan Allah dengan syarat mereka mestilah menurut jejak langkah mereka. Sebaliknya apabila jejak langkah mereka tidak diikuti maka manusia itu tidak akan dapat memperolehi keredhaan Allah selamanya.

Allah SWT juga berfirman dalam surah *al-Mujadilat*, ayat 22:

{ لا تجد قوما يؤمنون بالله واليوم الآخر يوادون من حاد الله ورسوله ولو كانوا آبائهم أو أبناءهم أو  
عشيرتهم أولئك كتب في قلوبهم الإيمان }



Bermaksud:” *Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman dengan Allah dan hari akhirat , saling berkasih sayang terhadap orang-orang yang menentang Allah dan rasulNya, walaupun orang-orang itu adalah bapak-bapak mereka atau anak-anak mereka, atau saudara-mara mereka ataupun keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang telah Allah tanamkan keimanan di dalam hati mereka.*”

Menurut penjelasan dari Ibn Kathir sebagaimana yang diriwayatkan, ayat ini adalah berkaitan dengan Abū ‘Ubaydat̃ ‘Amir Ibn al-Jarrāh yang telah membunuh bapanya dalam peperangan Badar (*Tafsir al-Qur’an al-‘Azim* 1981).

Kenyataan di atas jelas menunjukkan tahap keimanan yang tinggi yang dimiliki oleh para sahabat, justeru itu mereka mendahulukan kepentingan agama dari kepentingan yang lain. Ini menunjukkan para sahabat wajar dijadikan contoh dan teladan untuk diikuti dalam hal pelaksanaan terhadap perintah Allah.

Allah SWT juga menyebut dalam surah *al-Fath*, ayat 18:

{لقد رضي الله عن المؤمنين إذ يبايعونك تحت الشجرة }

Bermaksud:” *Sesungguhnya Allah telah meredhai terhadap orang-orang beriman ketika mereka berbaya‘at kepadamu di bawah pohon.*”

Berkaitan dengan ayat di atas pula, menurut Ibn Kathir Allah telah meredhai para sahabat baginda yang telah memberi janji taat setia kepada baginda di bawah pokok iaitu ketika di Hdaybiyat̃ (*Tafsir al-Qur’an al-‘Azim* 1981).

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Ayat di atas jelas menggambarkan kelebihan yang terdapat pada para sahabat sehingga melayakkan mereka menerima keredhaan Allah. Ini sudah pasti bertitik tolak dari kefahaman dan amalan yang mereka amalkan, serta ketaatan yang tidak berbelah bagi terhadap Allah dan rasulNya. Justeru itu adalah wajar mereka dijadikan sebagai ikutan dalam urusan agama ini demi untuk mencapai keredhaan Allah. Terdapat juga dalil-dalil dari hadis yang menjelaskan tentang anjuran untuk mengikut jejak langkah golongan al-Salaf ini, antaranya Al-Bukhāriy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada ‘Imrān Ibn Ḥuṣain RA, Rasulullah SAW bersabda:

[خير أمتي قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم]

Bermaksud:” *Sebaik-baik umatku adalah dikurunku, kemudian kurun yang mengiringi mereka dan kemudian kurun yang mengiringi mereka*” (Fat.h al-B`ar`iy 1986).

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa tiga kurun terawal adalah merupakan kurun yang terbaik dalam urusan agama mencakupi perkara-perkara ‘*aqīdat* dan *syar`i`at*. Oleh yang demikian bagi memperoleh kefahaman yang betul terhadap agama ini maka adalah menjadi kemestian menurut jejak langkah mereka.

Imam Muslim juga meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Ab`u Ḥurayrat RA, Rasulullah SAW bersabda:

[لاتسبوا أصحابي، لاتسبوا أصحابي، فوالذي نفسي بيده لو أن أحدكم أنفق مثل أحد ذهباً ما أدرك مد أحدهم ولا نصفه]

Bermaksud:” *Janganlah kamu mencerca para sahabatku, janganlah kamu mencerca sahabatku demi diriku ditanganNya, jika sekiranya*

*seseorang kamu membelanjakan emas sebesar bukit Uhud sekalipun nescaya tidak akan sama nilainya dengan secupak atau setengah cupak yang dibelanjakan oleh mereka” (al-Nawawiy 1994)*

Dalam hadis di atas jelas menunjukkan ketinggian dan kelebihan golongan para sahabat baginda. Sehingga tidak ada seorang pun yang mampu menyaingi pahala amalan yang dikerjakan oleh mereka. Justeru itu ini menunjukkan para sahabat wajar dicontohi dan diikuti.

Dalam hadis yang lain, Imam Muslim meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Abū Burda RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda antara lain:

[النجوم أمانة للسماء فإذا ذهبت النجوم أتى السماء ما توعد وأنا أمانة لأصحابي فإذا ذهبت أتى أصحابي ما يوعدون وأصحابي أمانة فإذا ذهب أصحابي أتى أمتي ما يوعدون ]

Bermaksud:” *Bintang adalah merupakan penyelamat langit, apabila hilangnya bintang maka langit didatangi dengan apa yang telah dijanjikan dan aku adalah penyelamat bagi umatku, apabila aku pergi para sahabatku akan didatangi dengan apa yang telah dijanjikan bagi mereka, sahabatku pula merupakan penyelamat, dimana apabila perangnya sahabatku maka umatku akan didatangi dengan apa yang dijanjikan bagi mereka” (al-Nawawiy, 1994).*

Berhubung dengan hadis di atas al-Nawawiy menjelaskan bahawa para sahabat disebut sebagai penyelamat adalah dengan maksud mereka berperanan untuk menyelamatkan umat ini dari segala bentuk *bid'at* dan segala macam perkara baru dalam agama dan fitnah dalam agama dan sebagainya lagi.

Penjelasan di atas menunjukkan para sahabat adalah sebagai penyelamat umat ini. Ini bermakna mereka mempunyai kelebihan tertentu sehinggalah nabi menyebut sedemikian. Oleh yang demikian bagi menyelamatkan diri dari segala macam bentuk kesesatan dalam agama

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

maka adalah wajib menurut jejak langkah mereka sebagai pemimpin dan penyelamat agama.

Selain dari ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menganjurkan untuk mengikut jejal langkah al-Salaf, di sana juga terdapat athar-athar yang menjelaskan tentang anjuran tersebut. Dalam hubungan ini Al-`Ajurr`iy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada `Abdullah Ibn Mas`ud RA, beliau berkata:

" إن الله عزوجل نظر في قلوب العباد فوجد قلب محمد صلى الله عليه وسلم خير قلوب العباد فاصطفاه لنفسه وابتعثه برسالته ، ثم نظر في قلوب العباد بعد قلب محمد فوجد قلوب أصحابه خير قلوب العباد فجعلهم وزراء نبيه يقاتلون على دينه"

Bermaksud:” *Sesungguhnya Allah telah melihat hati hamba-hambanya, maka didapati Mu.hammad ρ mempunyai hati yang terbaik, maka dengan sebab itu Allah telah memilih baginda bagi diriNya (rasul) lalu diutuskan baginda dengan risalahNya, kemudian Allah melihat pula hati hamba-hambanya selepas hati Mu.hammad, maka di dapati hati-hati para sahabat baginda adalah hati yang terbaik, lalu Allah jadikan mereka pembantu-pembantu bagi nabinya mereka berjuang di atas agamanya”* (al-Syar`i`at: 1997, perawinya adalah *thiqat* ).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa para sahabat adalah golongan yang memiliki hati yang terbaik dengan sebab itu Allah memilih mereka sebagai pembantu bagi nabinya. Ini juga bermakna para sahabat mempunyai kefahaman agama yang benar lantaran memiliki hati yang baik dan suci. Justeru ini maka adalah wajar bagi kaum muslimin menurut kefahaman agama yang dibawa oleh mereka. Imam al-Dhahab`iy pula meriwayatkan, al-Awz`a`iy berkata kepada Baqiyyat Ibn al-Walid:

"يا بقية: " لا تذكر أحدا من أصحاب نبيك إلا بخير، يا بقية ، العلم ما جاء عن أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم وما لم يجيء عنهم فليس بعلم"

Bermaksud:” *Wahai Baqaiyyat, janganlah engkau menyebut seorang pun dari kalangan sahabat nabi engkau melainkan dengan kebaikan, wahai Baqaiyyat, ilmu itu adalah apa yang datang dari para sahabat baginda ρ, apa yang datang bukan dari mereka bukanlah ilmu*” (*al-Siyar* 1982).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa ilmu yang sebenar itu adalah apa yang dibawa dan yang dijelaskan oleh para sahabat baginda yang diterima dari baginda secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian bagi memperolehi ilmu yang benar maka menjadi kemes-tian menurut jejak langkah mereka dalam agama.

Berdasarkan kepada semua dalil-dalil yang disebutkan di atas jelas menunjukkan kelebihan yang terdapat pada golongan *al-Salaf al-S`ali.h*. Mereka mempunyai kelebihan dari manusia yang lain dari segi kefahaman dan amalan terhadap agama. Seinggakan hal ehwal mereka dirakamkan dalam *al-Qur`an*. Justeru itu bagi generasi terkemudian perlulah berusaha sedaya upaya menurut jejak langkah mereka dalam kefahaman dan amalan agama mencakupi perkara-perkara *‘aq̄idat* dan *syar’i‘at*.

## **KEDUDUDUKAN INSTITUSI AL-SALAF AL-SOLEH DALAM MEMAHAMI AGAMA**

- i. Golongan *al-Salaf* Adalah Golongan Yang Paling Memahami Berkenaan Urusan Agama

## **22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama**

Golongan *al-Salaf* adalah golongan yang paling memahami berkenaan dengan urusan agama ini yang mencakupi perkara-perkara *'aqidah* dan *syar'i'at*. Justeru itu mereka wajar dijadikan contoh dan ikutan dalam urusan agama ini. Menurut penjelasan yang dikemukakan oleh Ibn Abi Hatim bahawa para sahabat adalah golongan yang menerima ilmu secara langsung dari Rasulullah ﷺ, mereka juga menyaksikan zaman turunnya wahyu, mereka juga mengetahui berkenaan tafsiran *al-Qur'an* disamping itu juga mereka berjuang mempertahankan dan menyebarkan agama ini bersama-sama baginda.

Allah juga telah menjadikan mereka sebagai pemimpin dalam agama ini. Seterusnya mereka menyampaikan ajaran agama ini kepada golongan *t'abi'in*, mereka telah dipilih oleh Allah untuk meneruskan penyebaran agama tersebut dengan baik. Mereka memahami urusan agama tersebut sebagaimana yang difahami oleh generasi sahabat. Mereka berpegang teguh dengan ajaran tersebut, dengan sebab itu Allah telah meneguhkan kedudukan mereka dalam agama.

Seterusnya generasi tersebut menyampaikan agama ini kepada generasi berikutnya iaitu *t'abi' al-Tabi'in*, mereka adalah generasi yang terpilih lagi bijaksana dalam urusan agama, mereka mengambil sunnah baginda dan menghafaznya dalam ingatan mereka dengan baik, dengan sebab itu mereka mengetahui dengan jelas perkara-perkara yang halal dan haram, mereka juga merupakan para *fuqah'a'* terbilang yang memahami agama ini dengan baik (*al-Jar.h Wa al-Ta'dil* 1952).

Bagi membuktikan bahawa golongan *al-Salaf* ini adalah golongan yang paling memahami urusan agama ini maka berikut dikemukakan beberapa kenyataan berkenaan mereka. Ibn 'Abd al-Bar meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Muj'ahid,

beliau berkata:

" العلماء أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم "

Bermaksud: " *Para ulamak itu adalah para sahabat Muhammad ﷺ* " ( *Jami' Bay'an al-'Ilm wa Fadlihi* 1994).

Ibn Mas'ud RA pula berkata:

" من كان منكم متأسياً فليتأس بأصحاب محمد صلى الله عليه وسلم، فإنهم أبر هذه الأمة قلوباً وأعمقها علماً وأقلها تكلفاً وأقومها هدياً وأحسنها حالاً، قوماً اختارهم الله بصحبة نبيه صلى الله عليه وسلم وإقامة دينه، فاعرفوا لهم فضلهم واتبعوا آثارهم فإنهم كانوا على الهدى المستقيم "

Bermaksud: " *Barang siapa yang ingin mengambil contoh maka contohilah para sahabat Muhammad ﷺ, maka sesungguhnya mereka memiliki hati yang paling baik dari kalangan umat ini, ilmu yang paling mendalam, yang paling sedikit menyusahkan, yang paling lurus petunjuknya serta yang paling baik hal ehwalnya. Mereka adalah golongan yang dipilih oleh Allah untuk menjadi sahabat bagi nabiNya ﷺ serta untuk menegakkan agamanya. Maka kenalilah kelebihan mereka dan ikutlah jejak mereka, maka sesungguhnya mereka berada di atas petunjuk yang lurus* " ( *Jami' Bay'an al-'Ilm wa Fadlihi* 1994).

Daripada beberapa kenyataan di atas sudah cukup menggambarkan betapa tinggi kedudukan para sahabat dalam kefahaman dan amalan terhadap agama. Mereka adalah sebaik-baik umat selepas nabinya. Maka sudah pasti ilmu dan kefahamannya mengatasi generasi-generasi yang lain. Mereka adalah orang yang paling adil, bijaksana, berhemah bahkan ada dikalangan mereka yang telah dijanjikan syurga oleh Allah melalui lidah nabinya.

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Berikut dikemukakan pula beberapa kenyataan yang menggambarkan ketinggian ilmu bagi generasi *ṭabi‘in* dan *ṭabi‘ al-Ṭabi‘in*. Dalam hal ini Ibn Hibbān menjelaskan bahawa *ṭabi‘in* adalah merupakan sebaik-baik manusia selepas sahabat dimana mereka memperoleh ilmu dari lisan para sahaba (*al-Thiqat* 1973). Masrūq Ibn al-Ajda’ pula menjelaskan bahawa Al-Sya‘bīy berkata:

" ما علمت أحدا كان أطلب للعلم منه وكان أعلم بالفتوى من شريح وكان شريح يستشيريه وكان مسروق لا يحتاج إلى شريح "

Bermaksud:” *Aku tidak mengetahui seorang pun yang lebih gigih menuntut ilmu dari beliau, beliau lebih mengetahui fatwa dari Syurayh, Syurayh meminta pandangannya tetapi beliau tidak perlu meminta pandangan dari Syurayh*” (*al-Thiqat* 1973).

Selain itu, Ibn ‘Umar RA pernah menyebut tentang kedudukan Sa‘īd Ibn Musayyib dengan katanya:

" سعيد بن المسيب هو والله أحد المفتيين "

Bermaksud:” *Demi Allah dia iaitu Sa‘īd Ibn al-Musayyab adalah salah seorang mufti*” (*al-Thiqat* 1973).

Kelebihan mereka juga dilihat dalam konteks pertemuan mereka dengan golongan sahabat Rasulullah SAW sepertimana kata ‘Amir Ibn Syar‘ah il al-Hamdānīy al-Sya‘bīy.

" أدركت خمسمائة من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم "

Bermaksud:” *Aku telah dapat bertemu dengan lima ratus orang sahabat nabi SAW*” (*al-Thiqat* 1973)



Dalam menggambarkan ketinggian ilmu Imam Malik maka Ibn Abī Ḥatim meriwayatkan dengan sanadnya, Ibn Maḥdīy berkata:

" يا أبا سعيد بلغني أنك قلت مالك بن أنس أعلم من أبي حنيفة ، فقال: ماقلت بل أقول أنه أعلم من أستاذ أبي حنيفة- يعني حمادا"

Bermaksud:” *Wahai Abū Sa‘id, telah sampai kepadaku berita sesungguhnya engkau berkata M‘alik Ibn Anas lebih alim dari Ab‘u Ḥanīfat.*” Beliau menjawab:” *Aku tidak berkata demikian bahkan yang aku kata adalah M‘alik lebih alim dari guru Ab‘u Ḥanīfat iaitu Hamm‘ad*” (*al-Jar.h Wa al-Ta‘d‘il* 1952).

Al-Sya‘fi‘iy juga pula berkata tentang Imam Malik:

" لو لا مالك وسفيان لذهب علم الحجاز "

Bermaksud:” *Jika tidak kerana M‘alik da Sufyan, nescaya akan hilang ilmu di Hij‘az*” (*al-Jar.h Wa al-Ta‘d‘il* 1952).

Selain Imam Malik Ibn Anas, Sufyan al-Thawriy juga turut diangkat sebagai individu yang alim dalam soal halal dan haram sepertimana yang diungkapkan oleh Ab‘u al-Ḥar‘ith bahawa:

" سمعت سفيان بن عيينة يقول: " ما رأيت رجلا أعلم بالحلال والحرام من سفيان الثوري "

Bermaksud:” *Aku mendengar Sufyan Ibn ‘Uyaynat berkata:*” *Aku tidak melihat seorang lelaki yang lebih alim berkenaan halal dan haram dari Sufyan al-Thawriy*” (*al-Jar.h Wa al-Ta‘d‘il* 1952).

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Daripada penjelasan di atas membuktikan bahawa generasi *al-Salaf al-Salih* adalah generasi yang mempunyai tahap keilmuan, kefahaman dan amalan terhadap agama yang mencakupi perkara-perkara *'aqidah* dan *syari'at*. Tidak akan lahir lagi generasi seperti mereka. Oleh yang demikian bagi memastikan generasi masa kini mendapat kefahaman seperti generasi masa silam yang gemilang itu maka adalah perlu ilmu agama itu dibina atas dasar kefahaman golongan generasi awal. Dengan demikian akan dapat mempertingkatkan lagi mutu ilmu dan amalan bagi generasi masa kini.

### ii. Wajib Menurut Kefahaman *al-Salaf al-Salih* Dalam Urusan Agama

Secara asas adalah wajib menurut kefahaman golongan *al-Salaf al-Salih* dalam urusan agama yang mencakupi perkara *'aqidah* dan *syariat* yang bersumberkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnat*. Al-Butiy (1990) berpandangan bahawa dalam konteks mengikut al-Salaf al-Soleh ini, adalah perlu kepada kaum muslimin mengikat pemikiran dan akhlak dengan ikatan wala' kepada al-Salaf serta mencontohi mereka. Juga perlu bagi kaum muslimin mengikut dan berpegang teguh dengan kaedah-kaedah al-Salaf dalam memahami nas serta berpegang dengan urusan yang disepakati oleh mereka mahupun yang disepakati oleh sebahagian besar dari mereka dalam dasar-dasar akidah dan dasar-dasar akhlak serta membuang segala fahaman dan amalan yang bertentangan dengan dasar-dasar kefahaman al-Salaf. Beliau turut menegaskan bahawa ikutan terhadap al-Salaf ini bukan atas dasar masa atau zaman al-Salaf itu sendiri bahkan yang menjadi ikutan adalah manhaj pegangan mereka dimana al-Salaf seperti para sahabat adalah manusia yang paling memahami maksud kalam Allah SWT serta mempunyai kefahaman yang segar dan tulin terhadap bahasa Arab (al-Butiy:1990). Ibn Qayyim dalam membicarakan keharusan berpegang dengan fatwa-fatwa para sahabat dan *tab'in* menjelaskan baha-

wa fatwa mereka adalah lebih utama untuk dipegang berbanding dengan fatwa golongan yang terkemudian dari mereka (*‘Ilam al-Muwaqqi‘in* : 1991).

Dalam menguatkan kebenaran sesuatu fatwa itu, beliau menyatakan bahawa semakin hampir sesuatu zaman itu dengan zaman kenabian, maka semakin hampir dengan kebenaran. Dalam hal ini beliau menjelaskan bahawa fatwa para sahabat adalah lebih utama untuk diikuti dari fatwa golongan *ṭabi‘in*, sementara fatwa para *ṭabi‘in* lebih utama untuk diikuti dari fatwa-fatwa *ṭabi‘ al-Ṭabi‘in*, begitulah seterusnya.

Begitu jugalah kedudukan dari segi ilmu dan kelebihan dimana pandangan golongan yang hampir dengan zaman kenabian lebih banyak yang tepat dan benar dari pandangan orang-orang yang datang selepas mereka. Oleh yang demikian dalam konteks ini adalah tidak wajar sama sekali bagi seseorang mufti atau hakim ketika menjelaskan sesuatu fatwa atau hukum berpegang dengan fatwa-fatwa golongan yang terkemudian dan meninggalkan pandangan dan pendapat golongan yang terdahulu seperti al-Bukhārīy, Isḥāq Ibn al-Rāḥūyāh, ‘Alīy Ibn al-Madīnīy, Ibn al-Mubārak, al-Awza‘īy, Hammād Ibn Salamāt, Sa‘īd Ibn Musayyib, al-Hasan al-Baṣrīy, al-Zuhrīy, bahkan adalah tidak wajar berpegang dengan pandangan golongan yang terkemudian dengan meninggalkan pendapat Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Alīy, Ibn Mas‘ūd dan lain-lain dari kalangan sahabat (*‘Ilam al-Muwaqqi‘in* 1991).

Dalam hubungan ini juga, Ibn Qayyim mengemukakan satu persoalan asas iaitu, apakah yang menyebabkan sahabat Rasulullah ﷺ mempunyai kedudukan yang begitu istimewa sehingga menjadi ikutan dalam urusan agama? Bagi menjawab soalan asas ini beliau menegaskan, tidak diragukan lagi bahawa para sahabat baginda adalah orang yang memiliki hati

## **22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama**

yang paling baik, ilmu yang paling mendalam, yang paling kurang cerewet dan keluh kesahnya serta mereka adalah orang yang paling menepati kebenaran ( (*Il'am al-Muwaqqi'in* 1991).

Jelas beliau lagi, mereka memperolehi semua keistimewaan tersebut adalah disebabkan Allah telah membimbing pemikiran mereka, mengurniakan lidah yang fasih, cepat dan baik dalam menerima sesuatu, sedikit sekali membantah bahkan mungkin tidak pernah membantah. Mereka juga jelas beliau, memiliki niat yang baik, bertaqwa kepada Allah. Darah daging mereka yang membentuk tabiat mereka pula adalah Arab. Pemahaman yang benar telah sedia terbentuk dalam fitrah kejadian mereka dan pemikiran mereka. Dalam pada itu bagi memperolehi sesuatu ilmu mereka tidak perlukan kepada sebarang sanad serta tidak perlu mengetahui latar belakang para perawi, *'illat hadith*, ilmu *al-Jarh Wa al-Ta'dil* (*Il'am al-Muwaqqi'in* 1991 )

Jelas beliau seterusnya, para sahabat juga tidak perlu kepada sebarang kaedah usul, bahkan mereka hanya perlu kepada dua perkara sahaja, iaitu:

- a. Penjelasan Allah dalam *al-Qur'an* dan penjelasan baginda dari sunnahnya.
- b. Mengetahui pengertian kedua-dua perkara di atas.

Dengan dua perkara tersebut jelasnya, para sahabat menjadi manusia yang paling bahagia, yang paling beruntung. Kekuatan dan keutuhan mereka bergantung kepada dua perkara tersebut tambah beliau lagi. Dalam pada itu terdapat beberapa alasan yang kukuh bagi membuktikan bahawa amalan yang menjadi sebagai sunnah sahabat juga dijadikan ikutan serta perlu dirujuk dalam urusan-urusan. Dalam hubungan ini al-Syatibi (2004) mengemukakan beberapa hujah dan bukti pertamanya adalah pu-

jian Allah SWT terhadap golongan sahabat tanpa kecuali serta memperakui keadilan mereka seperti yang terangkum dalam konsep sebaik-baik ummat atau khair ummah dan juga konsep ummatan wasata. Kedua, disana juga terdapat banyak hadis-hadis yang menganjurkan untuk mengikut jejak langkah para sahabat. Ketiga, jumhur ulamak mendahulukan pendapat para sahabat dalam mentarjihkan sesuatu pendapat. Keempat, terdapat juga banyak hadis-hadis yang menunjukkan wajib mengasihi sahabat serta dicela mereka yang membenci para sahabat bahkan hal ini adalah termasuk dalam tanda-tanda iman.

Berkaitan dengan menjadikan pegangan dan pendapat para sahabat di dalam sesuatu urusan agama, maka di sana terdapat perbincangan dari kalangan para ulamak. Pandangan dan perbincangan tersebut adalah berdasarkan keadaan-keadaan dan situasi tertentu yang berlaku di kalangan para sahabat, ia adalah seperti berikut:

#### Perbezaan Pendapat Yang Berlaku Di antara Dua Orang Sahabat

Dalam perkara ini terdapat dua keadaan yang perlu dilihat, iaitu:

1. Seandainya pendapat seseorang sahabat itu berbeza dari pandangan sahabat yang

lain sedangkan kedua-duanya mereka mempunyai tahap kedudukan ilmu yang setanding, maka pandangan salah seorang dari mereka tidak menjadi hujah ke atas seorang yang lain. Sebaliknya masing-masing berpegang dengan pandangan masing-masing (al-Zarkhasyi:1992).

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

2. Seandainya pendapat seorang sahabat itu berbeza dengan pendapat sahabat yang lebih mengetahui darinya, seperti *khalifah* yang empat, atau selain mereka yang lebih alim,. Maka menurut pendapat yang rajih pendapat sahabat yang empat atau sesiapa yang lebih alim itulah yang menjadi hujah ke atas sahabat yang lain ((*‘Ilam al-Muwaqqi‘in* 1991). Ini juga adalah pendapat al-Syafie seperti yang disebut oleh al-Zarkhasyi (1992).

Apa yang jelas dalam permasalahan di atas, pendapat para sahabat itu didahulukan dari yang lain menurut kadar keafdhalan masing-masing. Umpamanya apabila Abu Bakr dan Umar berbeza pendapat maka pendapat Ab`u Bakr di dahulukan dari `Umar. Hakikat ini hanya diketahui bagi mereka yang mempunyai ilmu yang mendalam dalam meneliti perbezaan pendapat yang berlaku dari kalangan sahabat. Umpamanya berkenaan Ab`u Bakr tidak akan didapati pendapat dan pandangannya menyalahi nas-nas sama sekali. Lantaran itulah pemerintahanya disebut sebagai *Khilafat al-Nubuwwat*.

### Pendapat Seseorang Sahabat Yang Masyhur Dari Yang Lain

Seandainya pendapat seseorang sahabat itu tidak bertentangan dengan pendapat

yang lain, dalam masa yang sama pula pendapat tersebut adalah masyhur, maka dalam perkara ini terdapat tiga pendapat para ulamak:

01. Menurut *jumhur* dan sekumpulan para *fuqah`a* pendapat tersebut berubah menjadi

*ijm'a'*.

02. Sementara sekumpulan para *fuqah'a'* yang lain pula berpendapat , pendapat tersebut

hanya menjadi hujah tetapi tidak sampai ketahap *ijm'a'*.

03. Menurut segolongan dari ahli kalam dan sebahagian dari para *fuqah'a'* pendapat sahabat tersebut tidak dikira *ijm'a'* dan tidak boleh dijadikan hujah.

Diantara tiga pendapat di atas penyelidik lebih bersetuju dengan pendapat yang pertama. Ini dapat dilihat berdasarkan hujah-hujah dari *al-Qur'an* dan *al-Sunnat* yang menjelaskan kelebihan yang terdapat pada para sahabat baginda..

Pendapat Seseorang Sahabat Yang Diketahui Tidak Masyhur Atau Tidak Diketahui Samaada Pendapat Tersebut Masyhur Atau Tidak

Berkaitan dengan pendapat sahabat dalam bentuk keadaan sedemikian, para ulamak juga telah berselisih pendapat samaada pendapat yang sedemikian itu dapat menjadi hujah atau tidak. Menurut *jumh'ur* ulamak pendapat sahabat dalam keadaan tersebut adalah juga menjadi hujah. Antara mereka yang berpendapat sedemikian adalah *jumh'ur* para ulamak dalam mazhab Ab'u Han'ifa, mazhab M'alik dan pengikutnya, Is.h'aq Ibn R'ah'uya.h, Ab'u 'Ubayd, A.hmad Ibn .Hanbal dan al-Sy'afi'iy dalam *qaul jad'id* (*'Ilam al-Muwaqqi'in* 1991).

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa para sahabat baginda adalah juga merupakan sumber rujukan dalam memperolehi sesuatu hukum dalam agama, dimana mereka adalah orang yang hidup bersama-sama baginda serta menerima ajaran secara langsung dari baginda. Mereka juga adalah golongan yang telah dijanjikan syurga oleh Allah. Kelebihan yang terdapat pada mereka adalah begitu jelas sekali terpancar sehinggakan diabadikan dalam sumber agama iaitu *al-Qur'an*. Justeru itu, tidak hairanlah para ulamak yang muktabar seperti al-Syafi'iy dan lain-lain yang terdiri dari kalangan ahli *hadith* terutamanya menjadikan para sahabat sebagai satu institusi rujukan hukum dalam agama. Para sahabat adalah orang yang paling memahami berkenaan urusan agama ini selepas baginda SAW.

### Pentafsiran Para Sahabat Terhadap *al-Qur'an*

Menurut Ibn Qayyim, adapun penjelasan para sahabat dalam menafsirkan maksud bagi sesuatu ayat yang terdapat dalam *al-Qur'an* menurut sebahagian ahli ilmu, penjelasan tersebut mempunyai hukum *marfu'*, iaitu penjelasan tersebut adalah diterima dari Rasulullah ﷺ sendiri (*Ilam al-Muwaqqi'in* 1991). Pandangan ini juga adalah yang tepat sepertimana yang disebut oleh Badruddin al-Zarkasyi (1984).

Berkaitan dengan perkara ini, menurut al-Hakim dalam *al-Mustadrak* bahawa penafsiran sahabat membawa hukum *marfu'* iaitu di dalam pendalilan dan hujah. Hukum *marfu'* di sini bermaksud Rasulullah ﷺ telah menjelaskan kepada para sahabat baginda berkenaan maksud ayat-ayat *al-Qur'an*, dengan jelas dan sempurna, dalam hubungan Allah I telah berfirman dalam surat *al-Nahl*, ayat 44:



{وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ}

Bermaksud:” Dan Kami turunkan kepadamu peringatan (al-Qur’an) agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka” (‘Ilam al-Muwaqqi’in 1991 ).

Dalam hubungan ini, ketepatan dan kejituan pentafsiran sahabat berkenaan isi kandungan al-Quran ini didokong oleh pelbagai faktor, para sahabat merujuk kepada dua sumber ilmu yang suci dan selamat iaitu wahyu Allah dan diri Rasulullah SAW; mereka juga mempunyai metod kefahaman yang tepat dalam memahami agama; diri mereka tidak dipengaruhi dengan pelbagai syubhat dan juga pemikiran yang menyeleweng; mereka juga bersemangat tinggi dalam beramal dan memastikan kesahihan sesuatu amalan; wahyu diturunkan pada zaman mereka serta turut berkaitan dengan permasalahan mereka; al-Quran juga diturunkan dalam bahasa mereka dan mereka adalah manusia yang paling bersih hati dan pemikiran setelah baginda Rasulullah SAW (al-Dumayji: 2016).

Ibn Qayyim menambah lagi, apabila para sahabat menghadapi masalah dalam memahami maksud sesuatu ayat dengan jelas mereka akan terus merujuk kepada Rasulullah SAW bagi mendapatkan penjelasan. Sebagaimana pertanyaan para sahabat berkenaan maksud ayat 82 dari surah *al-An’am*:

{الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ}

Bermaksud” orang-orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman ( syirik )”, maka baginda menerangkan maksudnya.

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Menurut Ibn Qayyim lagi, dalam hubungan ini apabila para sahabat menjelaskan berkenaan maksud sesuatu ayat, adakalanya mereka akan menyebut lafaznya sebagaimana yang di sebut oleh baginda, adakalanya pula mereka menjelaskan sesuatu ayat itu dengan makna yang diterima daripada baginda melalui lafaz yang diungkapkan oleh mereka. Ini samalah sepertimana mereka meriwayatkan *al-Sunnat* dari baginda.

Kesimpulannya adalah bagi memastikan kefahaman dalam urusan agama yang mencakupi perkara-perkara *'aqida* dan *syar'i'at* yang bersumberkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnat* itu difahami menepati kehendak Allah dan rasulNya maka kefahaman para sahabat hendaklah dijadikan pegangan. Seandainya kefahaman mereka diketepikan maka tidak mungkin agama ini dapat difahami dengan tepat.

### Pendapat Para *Tabi'in* Dalam Urusan Agama

Menurut Ibn Qayyim, dalam hubungan ini terdapat pendapat yang menjelaskan wajib menurut pendapat *tabi'in* jika sekiranya tidak menyalahi pendapat para sahabat atau tidak menyalahi pendapat *tabi'in* yang lain. Pendapat ini adalah menurut segolongan dari kalangan *al-Hanablat* dan *al-Syafi'iyat* ( *'Ilam al-Muwaqqi'in* 1991 ). Dalam konteks pentafsiran al-Quran disana terdapat dua pendapat dalam hal untuk menerima atau tidak sesuatu pandangan dari kalangan *tabi'in*. Secara umumnya bagi pandangan yang menyatakan pandangan *tabi'in* tidak diterima secara mutlak membawa hujah bahawa mereka tidak menerima penjelesan pentafsiran al-Quran secara langsung dari Rasulullah SAW serta tidak berada pada zaman turunya wahyu disamping keadilan mereka tidak dijelaskan dengan nas (al-Hajji:2007). Sementara itu bagi ke-

banyak ulama, menerima pentafsiran *ṭabiʿin* dengan hujah bahawa dalam kebanyakan perkara para *ṭabiʿin* menerima pentafsiran sesuatu ayat al-Quran itu dari para sahabat RH sepertimana penjelasan Mujahid yang menerima pentafsiran al-Quran bagi setiap ayat dari Ibn Abbas RH (al-Hajji:2007).

Sementara al-Syʿafiʿiy sendiri dengan jelas pada sesetengah masalah beliau mengikut pendapat yang dikemukakan oleh ‘A.ṭ.a’. Ini menunjukkan kesempurnaan ilmu dan kefahaman yang dimiliki oleh ‘A.ṭ.a’ jelas Ibn Qayyim lagi. Boleh dikatakan hampir pada setiap masalah al-Syʿafiʿiy membawa pendapat beliau (*ʿItam al-Muwaqqiʿin* 1991).

Maka pendapat ‘A.ṭ.a’ bagi al-Syʿafiʿiy adalah lebih kuat dalam sesuatu masalah itu. Ibn Qayyim menambah lagi bahawa, kebanyakkan ulamak membezakan kedudukan pendapat sahabat dan *ṭabiʿin* sebagai hujah. Walaupun diketahui perbezaan pendapat antara dua golongan tersebut namun didapati para ulamak banyak juga berhujah dengan pendapat golongan *ṭabiʿin* dalam menafsirkan ayat-ayat *al-Qurʿan*. Umpamanya terdapat dua riwayat yang menjelaskan bahawa Ahmad Ibn Hanbal banyak berhujah dengan pendapat golongan *ṭabiʿin* di dalam menafsirkan ayat-ayat *al-Qurʿan* yang tertentu.

Menurut beliau lagi, jika sekiranya pendapat *ṭabiʿin* didapati menyalahi *Qiyas*, maka di sana terdapat beberapa pandangan dari para ulamak. Secara umum pendapat tersebut dibahagikan kepada dua golongan, iaitu:

- a. Golongan yang tidak menjadikan pendapat *ṭabiʿin* sebagai hujah.
- b. Golongan yang menjadikan pendapat *ṭabiʿin* sebagai hujah.

## 22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama

Bagi mereka yang berpendapat bahawa pendapat para *ṭabiʿin* bukan sebagai hujah, terdapat dua pandangan dari kalangan mereka dalam masalah ini, iaitu:

- i. Pendapat *ṭabiʿin* tersebut tidak boleh dijadikan hujah, kerana pendapat tersebut bertentangan dengan *Qiyās* yang merupakan hujah dalam *syaraʿ*, sedangkan pendapat *ṭabiʿin* itu tidak dikira sebagai hujah.
- ii. Pendapat *ṭabiʿin* tersebut adalah menjadi hujah iaitu berada dalam kedudukan sebagai *mursal* yang dibolehkan untuk beramal dengannya (*ʿIlam al-Muwaqqiʿin* 1991).

Adapun bagi mereka yang berpendapat bahawa pendapat golongan *ṭabiʿin* dalam urusan agama adalah hujah, maka seandainya pendapat itu menyalahi *Qiyās*, disana juga terdapat dua pandangan dari kalangan mereka, iaitu:

- i. Pendapat *ṭabiʿin* tetap sebagai hujah bahkan pendapat tersebut didahulukan daripada *Qiyās*, sementara *al-Qurʿan* dan *al-Hadīth* pula didahulukan daripada pendapat mereka. Mereka juga mendahulukan pendapat sahabat jika bertentangan dengan *Qiyās*. Dengan itu bermakna sumber pendalilan di sisi golongan ini secara tertibnya adalah:

1) *al-Qurʿan* 2) *al-Sunnat* 3) Pendapat Sahabat 4) *al-Qiyās*

- ii. Pendapat *ṭabiʿin* tidak lagi menjadi hujah, kerana bertentangan dengan dalil *syaraʿ* iaitu *Qiyās* (*ʿIlam al-Muwaqqiʿin* 1991).

Sebagai kesimpulan bagi perbincangan konsep di atas jelas membuktikan bahawa adalah perlu memahami *al-Qur'an* dan *al-Sunnat* itu menurut kefahaman golongan *al-Salaf al-Salih*. Kerana jelas terbukti bahawa mereka adalah golongan yang berada dalam kurun-kurun yang terbaik yang pasti tidak akan muncul lagi. Keilmuan, kefahaman dan amalan mereka juga diakui sebagai yang terbaik dari kalangan umat ini. Mereka juga telah berjaya mendapat pingat yang terbesar iaitu keredhaan Allah yang membawa mereka ke syurga. Adalah tidak mungkin sama sekali bagi generasi masa kini dan akan datang dapat memahami agama ini yang mencakupi perkara-perkara *'aqidah* dan *syari'at* dengan tepat dan sempurna serta dapat memperolehi kehidupan beragama secara sempurna tanpa berpegang kepada kefahaman mereka.

## KESIMPULAN

Memahami al-Quran dan al-Sunnah menurut kefahaman al-Salaf al-Soleh adalah satu kewajipan dalam usaha untuk memperolehi kefahaman yang benar dan betul terhadap ajaran agama Islam. Al-Salaf yang terdiri dari para sahabat, tabiin dan tabiin adalah generasi yang berada dalam kurun yang paling hampir dengan zaman kenabian menurut tertib zaman yang telah beroleh peluang keemasan memperolehi kefahaman agama dari sumber yang asli serta tidak dicemari oleh unsur kesesatan. Para sahabat adalah generasi yang paling memahami urusan agama ini kerana mereka adalah golongan yang berdamping dengan Rasulullah SAW semasa hayatnya. Diikuti oleh generasi tabiin yang menimba ilmu dari para sahabat manakala para tabi al-Tabiin pula adalah golongan yang dididik oleh para Tabiin. Generasi al-Salaf adalah golongan yang telah berjaya mempamerkan kejayaan dan kecemerlangan dalam ilmu dan amalan sekaligus telah mengangkat darajat kemuliaan umat Islam sepanjang zaman dengan warisan ilmu yang ditinggalkan.

## RUJUKAN

## **22 Pegangan Terhadap Kefahaman Al-Salaf Al-Soleh Dalam Memahami Agama**

Al-Ajurrīy, Abū Bakr Muḥammad Ibn al-Ḥusain (1997). *Al-Syar' i'at*. Edit Semula Oleh Muḥammad Ḥamid al-Qafīy. Riyad: Dār al-Waṭan.

Al-Athariy, Abdullah Ibn Abdul Hamid. (2013). *Al-Wajiz fi Aqidah al-Salaf al-Soleh*. Istanbul: al-Ghuraba.

Al-Bukhariy, Muhammad Ibn Ismail. (1997). *Sahih al-Bukhariy*. Raiyad: Dar al-Salam.

Al-Butiy, Muhammad Said Ramadhan. (1990). *Al-Salafiyyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Al-Dumayji, 'Abdullah Ibn 'Umar. (2016). *Fahm al-Salaf al-Soleh li al-Nusus al-Syar'iyyah wa*

*al-Rad 'ala al-Syubahaat hawlih*. Riyad: Maktabah al-Malik Fahd.

Al-Dhahabiy, Syam al-D'in Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn 'Uthmān (1982). *Siyar 'Alam al-Nubal'a'*. Edit Semula Oleh Syu'aib al-Arna'ut dan rakan. Beirut: Muassasat al-Ris'alat.

\_\_\_\_ (T.T). *Tazkirat al-Huffa.z*. Mekah: Dār al-Fikr al-'Arabiy.

\_\_\_\_(T.T). *Miz'an al-I'tid' al fi Naqd al-Rijal*. Edit Semula Oleh 'Al'iy Muḥammad al-Baj'awiy. Beirut: Dār al-Ma'rifaṭ.

Al-Hajji, Muhammad 'Umar. (2007). *Mawsu'ah al-Tafsir Qabl 'Ahd al-Tadwin*. Damsyiq: Dar al-Maktabiy.

Ibn 'Abd al-Bar, Abū 'Umar Y'usuf (T.T). *Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadlih*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.

Ibn Hibban, Muḥammad Ibn Ḥibbān (1973). *Kit'ab al-Thiq'at*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.

Ibn Abi Hatim al-Raziy, Abu Muhammad Abdul Rahman Bin Muhammad. (1952). *Al-Jarh wa al-Ta'dil*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiy.

Ibn Hajar al-'Asq'alan'iy, Ahmad Ibn 'Al'iy (1986). *Fath al-B'ar'iy bi Syar.h .Sa.h'i.h al-Bukh'ar'iy*. Kaherah: D'ar al-Diy'an Li al-Tur'ath.

Ibn Kath'ir, Ism'a'il Ibn 'Umar (1981). *Tafs'ir al-Qur'an al-'Az'im*. Beirut: D'ar al-Fikr.

Ibn Qayyim, (T.T). *'Il'am al-Muwaqq'in 'An Rab al-'Alam'in*. Edit Semula Oleh Taha 'Abd al-Ra'uf . Beirut: D'ar al-Jayl.

Ibn Rajab, Ab'i al-Faraj 'Abd al-Rahm'an Ibn Syih'abudd'in al-Baghd ad'iy (T.T). *Fa.dl 'Ilm al-Salaf 'Al'a al-Khalaf*. Beirut: D'ar al-Hijrat

Al-Nawaw'iy (1994). *Syrah .Sa.h'i.h Muslim*. T.tp: Muassasat Qur.tubat.

Al-Say'u.t'iy, Jal'al al-D'in 'Abd al-Rahm'an Ibn Ab'i Bakr (T.T). *T'ar'ikh al-Khulafa'*. Edit

Semula Oleh Muhammad Muhyidd'in 'Abd al-Ham'id. T.tp: T.np.

Al-Syatibiy, Ibrahim Ibn Musa. (2004). *Al-Muwafaqaat fi 'Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Al-Tabar'iy, Ab'u Ja'far Muhammad Ibn Jar'ir (T.T). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Aiyi al-Qur'an*. Mesir: D'ar al-Ma'arif.

Al-Zarkhasyi, Muhammad Ibn Baharuddin Ibn Abdillah. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.

Al-Zarkasyi, Badruddin Muhammad Ibn Abdillah. (1984). *Al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Turath.